

Dalam laporan suratkhabar pada 7hb Februari 2012, BN Pulau Pinang dan 8Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Dato Dr Teng Hock Nan telah membuat tuduhan serius dalam skandal tanah Tang Hak Ju, yang berlaku semasa pemerintahan BN, terhadap YAB Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng. Dato Dr Teng menuduh YAB Lim lebih suka membuat bayaran sebanyak RM14,678.135.50 kepada Tang Hak Ju demi kepentingan peribadi. Ini adalah suatu fitnah serius terhadap Ketua Menteri bahawa beliau telah bertindak berkaitan wang rakyat demi kepentingan peribadi. YAB Ketua Menteri telah meminta Dato Dr Teng untuk menunjukkan bukti. Sekiranya Dato Dr Teng tidak menunjukkan bukti maka Dato Dr Teng harus menarik balik kenyataan dan meminta maaf secara terbuka. Kegagalan Dato Dr Teng berbuat demikian akan memaksa YAB Ketua Menteri mengambil tindakan saman malu fitnah ke atas Dato Dr Teng di mahkamah.

**LAPORAN KRONOLOGI OLEH PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
PULAU PINANG PADA 9 hb FEBRUARI 2012 KEPADA YAB KETUA
MENTERI PULAU PINANG LIM GUAN ENG TENTANG PEMBAYARAN RM
14,678.135.50 OLEH KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG ATAS PERINTAH
MAHKAMAH RAYUAN DAN PERSEKUTUAN DALAM SKENDAL TANAH
TANG HAK JU**

ANTARA
TANG HAK JU**PLAINTIF**

DAN

- 1. PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG**
- 2. PENDAFTAR HAKMILIK TANAH PULAU PINANG**
- 3. PENTADBIR TANAH DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

...DEFENDAN-DEFENDAN

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	27.9.2005	<p>Tang Hak Ju (Plaintif) telah memfailkan saman terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Defendant-Defendant) melalui Saman Pemula No.24-151-2005 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang menuntut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a)Kehilangan pendapatan bersih daripada penjualan batu granite yang boleh dilombong dari tanah dan hereditamen yang dipegang di bawah HS(D) 49060 dan dikenali sebagai PT91,Mukim 20, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang (tanah tersebut) (b)Perbelanjaan terbuang (c)Kerosakan goodwill (d)Perbelanjaan sub kontraktor
2.	4.10.2005	Plantif menang bila Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memutuskan bahawa Defendant-Defendant adalah bertanggungan kepada Plaintiff dan mengarahkan agar Defendant-defendant membayar gantirugi kepada Plaintiff seperti yang dituntut dan jumlah kerugian tersebut akan ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
3.	24.1.2006	Defendant-Defendant telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang tersebut di atas melalui Rayuan Sivil No: P-01-84-2005 . Malangnya rayuan difaiklan melebihi tempoh masa yang ditetapkan. Defendant-defendant di dalam

		rayuan tersebut telah memfailkan permohonan untuk perlanjutan masa untuk memfailkan Rekod Rayuan kerana Defendan-defendant sudah melebihi tempoh masa pengfailan rekod rayuan.
4.	27.2.2006	Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan Defendant-defendant untuk melanjutkan masa untuk memfailkan Rekod Rayuan tersebut dan keputusan liabiliti Defendant-Defendant seperti yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang adalah dikekalkan.
5.	21.9.2007	<p>Taksiran Gantirugi bagi kes Saman Pemula No: 25-151-2005 telah dibicarakan dihadapan Timbalan Pendaftar pada dan Timbalan Pendaftar telah memutuskan :</p> <p>i) Kehilangan pendapatan bersih daripada penjualan batu granite yang boleh dilombong dari tanah dan hereditamen yang dipegang di bawah HS(D) 49060 dan dikenali sebagai PT91,Mukim 20, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang (tanah tersebut) adalah berjumlah RM28,248,000.00</p> <p>ii) Perbelanjaan terbuang adalah berjumlah RM658,271.00</p> <p>iii) Kerosakan goodwill adalah berjumlah RM450,000.00</p> <p>Jumlah keseluruhan pampasan gantirugi RM29,356,271.00 bersama-sama faedah di atas jumlah gantirugi tersebut pada kadar 8% dikira dari 24.1.2005 sehingga penyelesaian penuh dan kos-kos untuk taksiran gantirugi yang akan ditetapkan.(Adalah dianggarkan faedah sebanyak RM 10 juta).</p>

6.	25.9.2007	Defendant-Defendant telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar melalui Notis Rayuan kepada Hakim Dalam Kamar dan permohonan tersebut ditolak dengan kos.
7.	26.9.2008	Plaintif telah memfailkan permohonan bagi Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Guaman Civil No: 25-103-2008 menuntut agar Defendant-Defendant membayar kepadanya jumlah penghakiman dan faedah sebanyak RM29,356,271.00 seperti yang diputuskan oleh Mahkamah.
8.	19.2.2009	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memutuskan 50% daripada jumlah penghakiman gantirugi iaitu sebanyak RM14,678,135.50 dideposit ke akaun Mahkamah sementara menunggu keputusan rayuan
9.	18.5.2009	Defendant-defendant telah mendeposit pampasan gantirugi sebanyak RM14,678,135.50 ke akaun Mahkamah Tinggi Pulau Pinang seperti yang diperintahkan.
10	20.7.2009	Plaintif telah memfailkan permohonan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 19.2.2009 melalui Rayuan Civil No:P-01-38-2009 dan memohon agar bayaran dibuat terus kepada akaun Plaintiff. Mahkamah Rayuan telah memutuskan pada 20.7.2009 bahawa jumlah wang RM RM14,678,135.50 dibayar terus ke akaun Plaintiff.

11	28.7.2009	<p>Defendant-defendant memfailkan permohonan untuk menggantung pelaksanaan ke atas perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 20.7.2009 atas faktor-faktor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Plaintiff ialah seorang individu dan status kemampuan untuk membayar semula RM14,678.135.50 adalah dipertikaikan. ii) Plaintiff mempunyai tahap dan status keberhutangan yang tinggi, dan iii) Wang tersebut ialah hasil kerajaan negeri yang sepatusnya digunakan untuk pembangunan negeri dan rakyat Pulau Pinang.
12.	14.10.2009	Mahkamah Rayuan membatalkan permohonan Defendant-Defendant dan mengarahkan RM14,678.135.50 dibayar terus ke akaun plaintiff.
13.	17.10.2009	Defendant-Defendant telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan melalui Rayuan Sivil No: 08(F)-197-2009(P) terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang memerintahkan agar pampasan gantirugi tersebut dibayar terus kepada Plaintiff
14.	27.10.2009	Permohonan Defendant-Defendant kepada Mahkamah Persekutuan ditolak yang mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan memerintahkan agar wang gantirugi RM14,678.135.50 tersebut dibayar terus kepada Plaintiff.

15.	11.1.2012	<p>Mahkamah Rayuan telah membicarakan permohonan rayuan Defendan-Defendant melalui Rayuan Sivil No: P-01-372-2009 terhadap keseluruhan taksiran gantirugi RM29,356,271.00 dan Mahkamah Rayuan pada 11.1.2012 telah memutuskan ia dikurangkan kepada RM 587,055 seperti berikut :</p> <p>(i) Jumlah gantirugi untuk kehilangan pendapatan bersih yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi berjumlah RM 28,248,000 yang diawadkan kepada plaintif adalah diketepikan dan diremitkan kembali ke Mahkamah Tinggi untuk ditaksirkan semula berdasarkan prinsip-prinsip tort.</p> <p>(ii) Jumlah Gantirugi untuk perbelanjaan terbuang sebanyak RM 658,271 yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi kepada plaintif di kurangkan sebanyak sebanyak RM176,486.00 kepada RM587,055.00.</p> <p>(iii) Jumlah gantirugi untuk kerosakkan goodwill sebanyak RM 450,000 yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi kepada plaintif adalah diketepikan.</p> <p>(iv) Perintah Mahkamah Tinggi mengenai faedah adalah dikekalkan dan</p> <p>Plaintif hendaklah dalam tempoh 30 hari dari tarikh perintah tersebut iaitu sebelum 11.2.2012 untuk mengembalikan jumlah wang yang telah dibayar oleh Defendan(kerajaan negeri) kepadanya sebanyak <u>RM 14,091,080.50</u> selepas menolak RM 587,055.00 daripada RM14,678.135.50 .</p>
16.	9.2.2012	<p>Plaintif telah memohon stay of execution di Mahkamah Persekutuan untuk pembayaran RM 14,091,080.50 dan pendengaran hari ini ditangguhkan ke 16 Februari 2012</p>